

KOMUNIKASI ORGANISASI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

NURUL SYAKIRA BINTI BAHADON
nurulsyakira95@gmail.com

SAHLAWATI BINTI ABU BAKAR
sahlawati@kuis.edu.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan tentang komunikasi organisasi menurut perspektif al-Quran. Komunikasi organisasi sangat penting dan perlu untuk dipelajari kerana sekarang ini banyak orang yang tertarik dan memberi perhatian untuk mengetahui prinsip dan keahlian komunikasi yang dapat dimanfaatkan untuk mewujudkan tujuan organisasi. Matlamat kajian ini adalah untuk membincangkan mengenai komunikasi organisasi menurut perspektif al-Quran. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen yang dibuat secara deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan ketua yang mempunyai ciri-ciri pemimpin Islam amat penting bagi menjadikan sesebuah organisasi itu berjalan dengan lancar dan sempurna. Setiap ahli dalam sesebuah organisasi juga memainkan peranan penting yang membantu dalam mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi.

Kata kunci: komunikasi, organisasi, al-Quran

1.0 Pendahuluan

Dalam kehidupan seharian, komunikasi merupakan suatu tindakan yang memungkinkan seseorang itu mampu menerima dan memberikan maklumat atau pesanan sesuai dengan apa yang kita perlukan. Secara teori, kita mengenali bermacam tindakan komunikasi berdasarkan pada konteks. Dimana komunikasi tersebut dilakukan seperti komunikasi kelompok, komunikasi organisasi dan komunikasi massa.

Komunikasi organisasi sangat penting dan perlu untuk dipelajari, kerana sekarang ini banyak orang yang tertarik dan memberi perhatian kepadanya untuk mengetahui prinsip dan keahlian komunikasi yang dapat dimanfaatkan untuk mewujudkan tujuan organisasi.

2.0 Definisi Komunikasi Organisasi

Memandangkan kepimpinan berkait rapat dengan kewujudan sesebuah organisasi, maka pemimpin bertanggungjawab untuk merancang dan melaksana sistem pentadbiran, polisi, visi, misi dan matlamat sesebuah organisasi. Secara umumnya, organisasi difahami dengan lebih mudah sebagai dua atau lebih orang yang berada dalam satu kumpulan berinteraksi antara mereka untuk mencapai matlamat secara berkumpulan. Dari segi teknikal, organisasi boleh

difahami sebagai satu unit sosial yang dibentuk secara khusus untuk mencapai sesuatu matlamat dalam masyarakat dunia yang bertambah kompleks yang menekankan kepada rasionaliti, keberkesanan dan kecekapan. (Ahmad Atory, 1991)

Dari segi pelaksanaan aktiviti dan pencapaian matlamat, kepimpinan mempunyai perkaitan yang rapat dengan struktur organisasi. Justeru, organisasi boleh diwujudkan melalui dua struktur yang berbeza, iaitu organisasi formal dan tidak formal. Melalui dua struktur ini juga akan menghasilkan matlamat organisasi yang berbeza.

i. **Organisasi Formal**

Organisasi formal ditakrifkan sebagai organisasi yang mempunyai struktur peranan yang disengajakan dalam sesebuah persatuan atau pertubuhan yang teratur. (Khomsahrial Romli, 2011).

Justeru kepimpinan dalam organisasi formal mestilah berlandaskan struktur, polisi dan misi yang bertulis. Arahan yang dikeluarkan adalah berbentuk formal dan setiap tindakan perlu didokumenkan untuk rujukan dan tindakan di masa akan datang.

ii. **Organisasi Tidak Formal**

Organisasi tidak formal selalunya merupakan organisasi yang ditubuhkan secara sukarela yang mempunyai lebih autonomi untuk pemimpin melaksanakan polisi dan misi organisasi dan tidak terlalu terikat dengan peraturan dan perlembagaan. Organisasi seperti ini mempunyai fungsi lebih kepada kegiatan rekreasi dan tidak berdaftar. (Ahmad Atory, 1991)

Diklafikasikan sebagai organisasi tidak formal kerana ia mempunyai peraturan tugas sendiri, tidak semestinya bertulis dan tidak terikat dengan peraturan tetapi tidaklah sampai melanggar perlembagaan dan peraturan negara. Antara contoh organisasi tidak formal ialah seperti kumpulan program usrah, kumpulan kompang, kumpulan marhaban dan sebagainya.

3.0 Komunikasi Organisasi Menurut Perspektif Al-Quran

Konsep organisasi menurut perspektif al-Quran akan dibincangkan melalui dua aspek iaitu dari aspek konsep organisasi cemerlang dan prinsip-prinsip asas kepimpinan Islam.

3.1 Konsep Organisasi Cemerlang

Menurut Sharifah Hayaati al-Qudsy (2008), Islam sangat menitikberatkan persoalan kecerlangan dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Antara perkataan-perkataan yang melambangkan dalam al-Quran adalah perkataan '*ahsanu amala*', '*aflaha*', dan '*ihsana*'. Malah dalam laungan azan telah terkandung seruan ke arah kecerlangan, iaitu '*hayya 'ala al-falah*' berkali-kali. Antara ciri-ciri cemerlang ialah apabila sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan dengan berkualiti seperti tekun, khusyuk, ikhlas, konsisten, amanah dan sebagainya.

Abu Hamid al-Ghazzali berpendapat bahawa nilai utama dalam akhlak yang membentuk kecerlangan terbahagi kepada empat iaitu:

1. *Al-Hikmah*: Kebijaksanaan atau kesesuaian ilmu dengan amal dan tindakannya.
2. *Al-'Adl*: Keadilan, iaitu jiwa yang dapat dikawal daripada sifat marah, rakus, ego dan sebagainya untuk mencapai al-hikmah. Nilai ini mampu menyelamatkan dan membimbing manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan.
3. *Al- Shaja'ah*: Keberanian, iaitu kekuatan dan keteguhan hati dalam mempertahankan kebenaran (al-haq), tidak berundur kerana dicela dan tidak maju kerana dipuji.
4. *Al-'Iffah*: Kemuliaan, iaitu mempunyai kemuliaan dengan menjaga maruah diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah.

Antara budaya kerja cemerlang yang menjadi tuntutan kecemerlangan hari ini ialah sifat kompetitif. (Mohd Sani Badron dan Nor Hartini Saari, 2016). Penegasan terhadap nilai ini terkandung dalam Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) Yang masing-masing menunjunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Konsep kompetitif dalam Islam bukan sekadar dalam urusan melaksanakan kebaikan atau mengurus tetapi kompetitif juga melakukan sesuatu untuk memperbaiki kesilapan. Dalam konteks keimanan ia bermaksud bertaubat. Hal ini dapat difahami dalam perintah Allah s.w.t dalam surah al-Hadid: 21 seperti berikut:

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۗ ذَٰلِكُمْ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas Segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.

3.2 Prinsip-prinsip Asas Kepimpinan Islam

Menurut Hisham A-Talib (1996), terdapat tiga prinsip yang mengawal perjalanan kepimpinan Islam iaitu *syura*, keadilan dan kebebasan memberikan pendapat.

i. *Syura*

Syura adalah prinsip pertama dalam kepimpinan Islam. Al-Quran telah menyatakan dengan jelas bahawa pemimpin-pemimpin Islam wajib mengadakan *syura* dengan orang-orang yang

mempunyai pengetahuan atau orang-orang yang dapat memberikan pandangan yang baik. Seperti Firman Allah dan surah as-syuura ayat 38:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya;

Rasulullah S.A.W juga telah diperintah oleh al-Quran supaya melakukan *syura* dengan sahabat-sahabat baginda. Seperti dalam surah al-Imran ayat: 159

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۗ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۗ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ ۗ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ۗ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Maka Dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan Yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah Dengan mereka Dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila Engkau telah berazam (Sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang bertawakal kepadaNya.

Perlaksanaan *syura* memungkinkan anggota organisasi Islam melibatkan diri dalam proses membuat keputusan. Pada masa yang sama *syura* berfungsi sebagai tempat menyelia tindak-tanduk pemimpin agar sentiasa tidak terkeluar daripada matlamat umum jemaah.

Pemimpin sudah tentu tidak wajib melakukan *syura* dalam semua perkara. Perkara yang biasa hendaklah dihadapi dengan cara dan kaedah yang lain. Perkara biasa dan perkara yang melibatkan perancangan dan polisi hendaklah dibezakan dan dijelaskan oleh ahli-ahli yang terlibat mengikut saiz, keperluan, sumber manusia, dan suasana yang memerlukan dan mendesak. Pemimpin mesti mengikut dan melaksanakan keputusan yang dibuat dalam lingkungan *syura*. Dia hendaklah mengelakkan diri daripada bermain dengan kata-kata untuk menonjolkan pendapatnya atau mengubah keputusan yang diputuskan oleh *syura*.

ii. Adil

Pemimpin hendaklah berurusan dengan orang secara adil dan saksama tanpa mengira bangsa, warna, keturunan atau agama. Al-Quran memerintahkan orang-orang Islam agar berlaku adil apabila berurusan dengan orang-orang yang menentang mereka. (Wan Ali bin Wan Jusoh, 2002). Seperti yang telah disebutkan dalam Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat yang ke 58, dan ayat ke 135 serta surah al-Maidah ayat yang ke 8:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan Segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

﴿ يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِنَّ يَكُفْرًا غَنِيًّا أَوْ فَاقِرًا فَإِنَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۗ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۗ وَإِنْ تَلَوُّا أَوْ تَعْرَضُوا فَأِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang Yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi Yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.

﴿ يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.

iii. Kebebasan Memberikan Pendapat

Pemimpin Islam hendaklah memberikan ruang dan mengajak ahli-ahli jemaah mengemukakan pandangan yang membina. Mereka hendaklah diberi peluang mengeluarkan pandangan dan bantahan secara bebas, serta menjawab segala persoalan yang ditimbulkan oleh mereka. *Al-Khulafa'* dan *al-Rashidun* berpendapat bahawa perkara ini merupakan satu unsur penting bagi kepimpinan mereka. Pemimpin hendaklah berusaha menimbulkan suatu suasana pemikiran yang bebas, bertukar-tukar pandangan secara sihat, kritikan dan nasihat-menasihati antara satu dengan yang lain sehingga para pengikut merasa selesa ketika membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

4.0 Kesimpulan

Pemilihan ketua yang mempunyai ciri-ciri pemimpin Islam amat penting bagi menjadikan sesebuah organisasi itu berjalan dengan lancar dan sempurna. Setiap ahli dalam sesebuah organisasi juga memainkan peranan penting yang membantu dalam mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi.

5.0 Rujukan

- Ahmad Atory. 1991. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Hisham Al-Talib. 1996. *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*
- Khomsahrial Romli. 2011. *Komunikasi Organisasi Lengkap*.
- Mohd Sani Badron dan Nor Hartini Saari. 2016. *Kepimpinan Dan Amanat Peradaban*.
- Sharifah Hayaati al-Qudsy. 2008. *Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia*.
- Wan Ali bin Wan Jusoh. 2002. *Hubungan Majikan Dan Pekerja Dari Perspektif Islam*. Jurnal Teknikal dan Kajian Sosial.